



06 APR, 2025

## RUMAH ROSAK 20% DIBENAR DIHUNI

Metro Ahad, Malaysia



YANG di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan berangkat melawat tapak insiden kebakaran paip gas di Putra Heights, semalam. Turut berangkat Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

### PUTRA HEIGHTS BERGEVAR

# RUMAH ROSAK 20% DIBENAR DIHUNI

Kuala Lumpur

**H**anya kediamaan yang mengalami kerrosakan kurang daripada 20 peratus dalam insiden kebakaran dan letusan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya akan dibenarkan untuk dihuni kembali bagi menjamin keselamatan penghuninya.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, berdasarkan pemeriksaan dilakukan, kebanyakan rumah diletakkan dalam kategori selamat dihuni itu hanya mengalami kerossakan kecil seperti cermin tingkap pecah selain kesan ba-

**“Yang membatikan kerossakan besar, tidak sesuai untuk masuk kecuali selepas penilaian lanjut terhadap keutuhan struktur dan pembakaan dilaksanakan”**

**Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Nor Hisham Mohammad**

hang kecil pada bumbung dan siling.

Beliau berkata, kebanyakannya rumah itu juga terletak lebih 150 meter dari lokasi kejadian.

“Melalui persetujuan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, bagi kediamaan dengan kerossakan kecil atau tiada kerossakan, kita benarkan penghuni mereka untuk masuk.

“Yang membatikan kerossakan besar, tidak sesuai

untuk masuk kecuali selepas penilaian lanjut terhadap keutuhan struktur dan pembakaan dilaksanakan,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Penilaian keselamatan itu dilakukan bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kontraktor pendawaian elektrik.

Beliau berkata, pemeriksaan secara kebolehijahan

terhadap unit rumah tersebut membatikan permucaan struktur bangunan dinding, lantai, bumbung dan rangka bangunan se lain terhadap sistem pendawaian elektrik.

Mengulas lanjut, Nor Hisham berkata, setakat ini tiada keperluan untuk mendapatkan Sijil Penyimpanan dan Pematuhan (CCC) baharu untuk kategori rumah berkenaan dan sijil itu diperlukan sekiranya terdapat perubahan besar struktur rumah seperti bangunan baharu.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, 85 rumah di Taman Harmoni disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang.